



PEMAKLUMAN KEPADA PELAJAR BERKENAAN PENGOPERASIAN SEMULA PENERBANGAN BALIK PELAJAR KE SABAH

I) PERSAMPELAN COVID-19 DI INSTITUT PENGAJIAN TINGGI

Kerajaan Negeri merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Kerajaan Persekutuan kerana telah bersetuju dengan cadangan agar semua pelajar Sabah di Institusi Pendidikan Tinggi menjalani persampelan COVID-19 terlebih dahulu sebelum kembali ke Negeri Sabah. Keputusan ini sesungguhnya merupakan jalan yang terbaik bagi mengatasi masalah kekurangan dan kesesakan Pusat Kuarantin di Sabah kerana pelajar-pelajar yang balik dengan keputusan ujian COVID-19 yang negatif akan dibenarkan meneruskan baki tempoh kuarantin di rumah masing-masing.

II) PENGOPERASIAN SEMULA PENERBANGAN YANG TELAH DITANGGUHKAN

Berikutan dengan persetujuan oleh Kerajaan Pusat untuk menjalankan persampelan COVID-19 dan mendapatkan keputusan ujian kepada semua pelajar Institusi Pengajian Tinggi sebelum penerbangan balik ke Sabah telah membolehkan penerbangan yang telah ditangguhkan untuk beroperasi semula. Sukacita dimaklumkan

bahawa penerbangan membawa pelajar balik ke Sabah akan beroperasi semula mulai 20 Mei 2020 dengan empat (4) penerbangan daripada Kuala Lumpur dan Sarawak yang akan membawa balik seramai 1,027 orang pelajar. Manakala pada 21 Mei 2020, empat(4) penerbangan lagi melibatkan seramai 906 orang pelajar. Penerbangan seterusnya dijadualkan pada 27 dan 28 Mei 2020. Tarikh penerbangan yang seterusnya akan dimaklumkan kelak.

III) BALIK SEMASA CUTI PERAYAAN

Kerajaan Negeri adalah ikhlas dan telah berusaha sedaya upaya untuk membawa balik semua pelajar sebelum perayaan Hari Raya Aidilfitri dan Pesta Kaamatan, namun di atas beberapa perkara yang tidak dapat dielakkan seperti keperluan untuk memenuhi *Standard Operating Procedure (SOP)* Jabatan Kesihatan Negeri Sabah dan isu pusat kuarantin yang tidak mencukupi sebelum ini, maka hasrat ini tidak dapat direalisasikan. Diharap semua pelajar faham dengan tanggungjawab masing-masing dalam sama-sama membendung penularan wabak COVID-19 di negeri kita yang tercinta ini.

Kerajaan Negeri amat tegas dalam memastikan pergerakan balik pelajar mengikut SOP yang ditetapkan oleh Jabatan Kesihatan Negeri Sabah berikutan terdapatnya lima(5) kes positif di kalangan pelajar IPT setakat ini.

Kepada pelajar yang belum sampai giliran untuk balik ke kampung halaman dalam jadual penerbangan sebelum perayaan Hari Raya Aidilfitri dan Pesta Kaamatan, adalah diminta bersabar dan bertenang di tempat kediaman masing-masing. Adalah penting para pelajar semua balik ke rumah masing-masing dalam keadaan yang benar-benar sihat agar tidak menjejaskan keluarga masing-masing. *Tak kan lari gunung dikejar*, Kerajaan akan menunaikan komitmen untuk membawa balik para pelajar apabila giliran anda telah sampai.

Sukacita saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan **SELAMAT HARI RAYA AIDILFITRI DAN KOTOBIAN TADAU TAGAZO DO KAAMATAN** kepada semua yang merayakan. **STAY SAFE AND STAY HEALTHY !**

Sekian, terima kasih.

YB DATUK DR. YUSOF BIN YACOB
MENTERI PELAJARAN DAN INOVASI
19 Mei 2020 | JAM 11.00 pagi